



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN  
PENGAJIAN ILMU QIRAAAT: SATU KAJIAN DI KOLEJ  
ISLAM ANTARABANGSA SULTAN  
ISMAIL PETRA (KIAS)**

*FACTORS THAT INFLUENCE THE MASTERY OF QIRAAAT STUDY: A CASE  
STUDY IN SULTAN ISMAIL PETRA INTERNATIONAL ISLAMIC COLLEGE  
(KIAS)*

Ahmad Mujahideen Haji Yusoff<sup>1\*</sup>, Muhammad Amiri Ab Ghani<sup>2</sup>, Noraini Mohd Noor<sup>3</sup>, Norhanis Amran<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: mujahideen@kias.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan al-Quran & Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: amiri@kias.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: noraini@kias.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, Malaysia  
Email: norhanis@kias.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 11.01.2021

Revised date: 01.02.2021

Accepted date: 07.02.2021

Published date: 01.03.2021

**To cite this document:**

Haji Yusoff, A. M., Ghani, M. A. A., Noor, N. M., & Amran, N. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). International Journal of

**Abstrak:**

Ilmu Qiraat dilihat sudah mula berkembang pada masa kini lebih-lebih lagi terdapat pusat pengajian yang menawarkan program pengajian yang berkaitan dengannya. Namun begitu, tahap penguasaan pengajiannya masih kurang dikaji dengan sewajarnya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengajian Ilmu Qiraat di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kajian ini adalah kajian rintis yang berbentuk kuantitatif yang menggunakan set soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data dan SPSS 21.0 digunakan untuk menganalisis data. Sampel seramai 30 orang responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) dalam kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti program Diploma Qiraat dan Taranum di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dari tahun 2018 hingga 2020. Sebanyak 15 item yang merangkumi teori dan amali dikemukakan dalam soal selidik tersebut. Kajian mendapati tahap penguasaan pelajar-pelajar berkaitan pengajian ilmu Qiraat berada pada tahap sederhana.

Education, Psychology and  
Counseling, 6 (38), 13-23.  
DOI: 10.35631/IJEPC.638002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Hal ini disokong dengan data yang diperolehi dari teori dan amali. Oleh yang demikian, faktor peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran secara teori dan amali seharusnya ditambahbaik dan ditingkatkan agar penguasaan pengajaran ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.

#### Kata Kunci:

Penguasaan, Qiraat, KIAS

#### Abstract:

The knowledge of Qiraat is seen to have begun to grow nowadays, especially since there are schools that offer study programs related to it. However, the level of mastery of this study is still lacking. Therefore, this study was conducted to analyze factors that influence the mastery of the knowledge of Qiraat at Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS). This study is a quantitative pilot study that uses a set of questionnaires as an instrument to obtain data and SPSS 21.0 is used to analyse the data. A sample of 30 students who studied Diploma Qiraat and Taranum program at Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS) from 2018 to 2020. A total of 15 items include theory and practical are presented in the questionnaire. The study found that the level of mastery of students related to the study of the knowledge of Qiraat is at a moderate level. This finding is supported by data obtained from theory and practical. Therefore, factors of improving the teaching and learning process in theory and practical should be enhanced so that the mastery of the knowledge of Qiraat among students can be improved to a better level.

#### Keywords:

Mastery, Qiraat, KIAS

## Pendahuluan

Ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang ilmu dalam Ulum al-Quran, namun hanya orang-orang tertentu sahaja yang mendalami ilmu ini. Antara faktor ilmu Qiraat tidak berkembang serancak ilmu-ilmu lain seperti ilmu hadis dan ilmu tafsir kerana masyarakat hanya berpada dengan satu Qiraat sahaja. Menurut Abdul Halim (2014), masyarakat secara umumnya hanya terdedah kepada ilmu bacaan al-Quran yang terhad iaitu riwayat Hafs daripada ‘Asim sedangkan pendedahan yang terhad ini adalah sesuatu yang kurang wajar kerana riwayat ini hanyalah satu riwayat daripada 20 riwayat bacaan al-Quran. Selain itu, menurut Ab Ghani (2018) menjelaskan bahawa ilmu Qiraat juga dianggap sebagai ilmu yang cukup rumit untuk dipelajari kerana banyak hal dan ilmu asas yang harus diketahui oleh pelajar bagi mendalami ilmu ini. Selain itu juga, penguasaan terhadap ilmu ini masih berada di peringkat pengukuhan berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang lalu kerana objektif pembelajaran masih belum tercapai (Ali & Abdullah, 2016).

Pengajian ilmu qiraat di Malaysia kini bukan lagi suatu yang asing. Hampir setiap institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian Islam di negara ini turut menawarkan ilmu qiraat kepada mahasiswa dan mahasiswi mereka (Muhammad Hafiz, Abd

Muhaimin & Norazman, 2015). Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) merupakan di antara institusi pengajian tinggi di negara kita yang menawarkan banyak program pengajian di peringkat diploma antaranya program pengajian yang berkaitan dengan Qiraat iaitu Diploma Qiraat dan Taranum (Faizi, 2020). Setakat ini, KIAS antara IPT yang mempelopori penawaran pengajian tersebut di peringkat pengajian tinggi di Kelantan. KIAS mempunyai kelebihan tersendiri yang mana program ditawarkan mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sekaligus memberi peluang kepada graduan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam (Mustapha, 2020).

### **Definisi Ilmu Qiraat**

Menurut Mustafa (2014), qiraat adalah jamak bagi perkataan qiraah iaitu kata terbitan bagi perkataan qara'a yang bermaksud membaca. Abdul Halim (2014) menjelaskan bahawa qiraat dari segi bahasa bermaksud bacaan-bacaan dan perkataan ini kemudiannya dijadikan satu istilah bagi menunjukkan satu disiplin ilmu.

Manakala dari segi istilah terdapat beberapa penakrifan dalam kalangan ulama antaranya Ibn al-Jazari (2014) menakrifkan ilmu Qiraat ialah satu ilmu yang membicarakan tentang cara untuk menuturkan kalimah-kalimah al-Quran al-Karim dan kepelbagaiannya serta disandarkan kepada penaqlanya (imam Qiraat). Menurut al-Qadhi (2011) mendefinisikan ilmu Qiraat sebagai suatu ilmu yang diketahui dengannya cara penyebutan kalimah-kalimah al-Quran dan jalan penunaianya sama ada bersepakatan dan berlainan dengan menisbahkan setiap wajah itu kepada penaqlanya. Menurut al-Qastalani (1434H) menyebut bahawa ilmu Qiraat ialah satu ilmu yang diketahui dengannya kesepakatan ulama yang meriwayatkan bacaan al-Quran terhadap kitab Allah dan perselisihan mereka dalam konteks bahasa Arab daripada perkara yang ada hubungan dengan bentuk sebutan dan perubahan dari aspek pendengaran. Manakala al-Sobuni (2015) pula memberi pengertian ilmu Qiraat sebagai suatu mazhab daripada beberapa mazhab dalam kaedah pembacaan al-Quran yang masing-masing imam daripada imam-imam Qiraat memilih satu cara yang berbeza berhubung dalam penyebutan (penuturan) ayat al-Quran al-Karim dan ianya bersambung dan thabit (tetap) dari sudut sanadnya hingga kepada Rasulullah S.A.W. Secara kesimpulannya, ilmu Qiraat ialah satu ilmu yang menjelaskan tentang kaedah-kaedah bacaan atau kepelbagaiannya sebutan bacaan al-Quran yang diriwayatkan daripada Nabi S.A.W. yang dipindahkan daripada imam-imam Qiraat.

### **Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)**

Pengajian ilmu Qiraat di Malaysia bukan lagi suatu yang asing dan pengajian ilmu ini menunjukkan kepada perkembangan yang positif sejak beberapa dekad yang lalu (Daud, Abdullah & Mohd Saleh, 2015). Hal ini dapat dilihat melalui pertumbuhan pusat pengajian di setiap negeri yang menjadikan ilmu Qiraat sebagai subjek wajib bagi para pelajar yang menghafaz al-Quran (Ali et. al, 2016). Antara pusat pengajian yang menawarkan program pengajian yang berkaitan dengan ilmu Qiraat ialah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Menurut Yaacob (2003), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) yang terletak di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui agensinya Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) yang dikendalikan oleh KIAS Darul Naim Sdn. Bhd. (KDSB) yang merupakan anak syarikat Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN). Kelahiran KIAS adalah bermatlamat untuk meningkatkan lagi potensi negeri Kelantan yang digelar Serambi Mekah sebagai pusat perkembangan ilmu dalam bidang pengajian Islam dan pusat perkembangan syiar Islam yang

menjadi kesinambungan kepada penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK). Menurut Abdullah (2020), YPTIK telah ditubuhkan pada tahun 1965 sehingga pada 1 April 1981. Kemudiannya, YPTIK telah diambil alih oleh Universiti Malaya dan ditukar nama kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Menurut Daud (2020) menyatakan bahawa Allahuhyarham Dato' Bentara Setia YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat telah menubuhkan Maahad al-Dakwah wa al-Imamah pada tahun 1994 sehingga pada 24 Ogos 1999 bersamaan 12 Jumadil Awwal 1420H, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) telah dilancarkan penubuhannya secara rasmi oleh KDYMM Tuanku al-Sultan Kelantan.

Menurut Ismail (2020), KIAS telah berdaftar secara rasmi dengan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan mendapat pengiktirafan Malaysian Qualifications Agency (MQA) iaitu Agensi Kelayakan Malaysia untuk program-program pengajiannya. Menurut Muhammad Zulhilmi (2020) menjelaskan bahawa pada tahun 2010, KIAS telah menawarkan beberapa program baharu antaranya Diploma Qiraat Dan Tarannum dan Diploma Tahfiz al-Quran. Diploma ini diletakkan di bawah Jabatan al-Quran dan Hadis. Mahasiswa dan mahasiswi program pengajian ini mempelajari subjek-subjek berkaitan ilmu Qiraat yang dijalankan sebanyak enam semester iaitu selama tiga tahun. Program ini telah mendapat perakuan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma ini juga turut diiktiraf untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.

### **Perbincangan**

Kajian ini menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis likert yang mana lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Skala likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap (Cohen, 2017). Dalam instrumen kajian ini, responden diminta memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu daripada nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu 1: sangat lemah (tidak mengetahui langsung), 2: lemah (mengetahui sedikit sahaja), 3: sederhana (mengetahui sebahagiannya), 4: baik (banyak mengetahui) dan 5: sangat baik (mengetahui semua). Terdapat 15 soalan yang merangkumi teori dan amali telah diajukan kepada responden sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

**Jadual 1: Deskriptif Responden Tentang Pengetahuan Berkaitan Pengenalan Ilmu Qiraat**

<b>Pengetahuan Berkaitan Pengenalan Ilmu Qiraat</b>	<b>Kekerapatan</b>	<b>Peratus</b>
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	2	7%
Sederhana	15	50%
Baik	10	33%
Sangat Baik	3	10%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 1 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar yang sangat lemah. Bagi jawapan lemah, seramai 2 (7%) pelajar. Manakala sederhana pula, seramai 15 (50%) pelajar dan bagi jawapan

baik pula seramai 10 (33%) pelajar. Akhir sekali, jawapan sangat baik iaitu seramai 3 (10%) pelajar. Tahap pengetahuan tentang pengenalan ilmu Qiraat menunjukkan jawapan sederhana paling tinggi.

**Jadual 2: Deskriptif Responden Tentang Tahap Penguasaan Kitab-Kitab Qiraat Dalam Bahasa Arab**

Penguasaan Kitab-Kitab Qiraat Dalam Bahasa Arab	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0 %
Lemah	7	23%
Sederhana	20	67%
Baik	3	10%
Sangat Baik	0	0%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 2 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar yang sangat lemah. Manakala jawapan lemah, pelajar telah menjawab jawapan lemah seramai 7 (23%) pelajar. Bagi jawapan sederhana pula, seramai 20 (67%) pelajar. Adapun bagi jawapan baik seramai 3 (10%) dan sangat baik pula, tiada seorang (0%) pelajar menjawab. Tahap penguasaan kitab-kitab Qiraat dalam bahasa Arab bagi jawapan sederhana paling tinggi peratusan yang dijawab oleh pelajar.

**Jadual 3: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Matan Syatibiyyah**

Penguasaan Matan Syatibiyyah	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	5	17%
Sederhana	19	63%
Baik	4	13%
Sangat Baik	2	7%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 3 menunjukkan tidak seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Bagi jawapan lemah pula, seramai 5 (17%) pelajar, manakala sederhana seramai 19 (63%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, seramai 4 (13%) pelajar menjawab jawapan tersebut. Akhir sekali, jawapan sangat baik iaitu seramai 2 (7%) pelajar telah menjawabnya. Tahap penguasaan Matan Syatibiyyah menunjukkan peratusan bagi jawapan sederhana mencatat peratusan tertinggi yang dijawab oleh pelajar.

**Jadual 4: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Hafs**

Penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Hafs	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	3	10%
Sederhana	9	30%
Baik	13	43%
Sangat Baik	5	17%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 4 menunjukkan tidak seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Manakala jawapan lemah pula, seramai 3 (10%) pelajar dan jawapan sederhana seramai 9 (30%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 13 (43%). Akhir sekali jawapan sangat baik iaitu seramai 5 (17%) pelajar telah menjawab. Tahap penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Hafs bagi peratusan yang tertinggi dijawab oleh pelajar adalah bagi jawapan baik.

**Jadual 5: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Syu’bah**

Penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Syu’bah	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	1	3%
Lemah	3	10%
Sederhana	16	53%
Baik	7	24%
Sangat Baik	3	10%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 5 menunjukkan 1 (3%) pelajar menjawab sangat lemah. Manakala bagi jawapan lemah, seramai 3 (10%) pelajar. Bagi jawapan sederhana, seramai 16 (53%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, seramai 7 (24%) pelajar. Akhir sekali jawapan sangat baik seramai 3 (10%) pelajar menjawab. Tahap penguasaan Usul Qiraat ‘Asim Riwayat Syu’bah menunjukkan peratusan paling tinggi dijawab oleh pelajar adalah jawapan sederhana.

**Jadual 6: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Nafi' Riwayat Qalun**

Penguasaan Usul Qiraat Nafi' Riwayat Qalun	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0 %
Lemah	5	17%
Sederhana	15	50%
Baik	8	27%
Sangat Baik	2	6%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 6 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Jawapan lemah pula, seramai 5 (17%) pelajar. Manakala jawapan sederhana pula yang merupakan peratusan tertinggi dijawab oleh pelajar seramai 15 (50%). Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 8 (27%). Akhir sekali, jawapan sangat baik seramai 2 (6%) pelajar telah menjawab. Tahap penguasaan Usul Qiraat Nafi' Riwayat Qalun menunjukkan peratusan paling tinggi dijawab oleh pelajar adalah jawapan sederhana.

**Jadual 7: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Nafi' Riwayat Warsy**

Penguasaan Usul Qiraat Nafi' Riwayat Warsy	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	3	10%
Sederhana	17	57%
Baik	8	27%
Sangat Baik	2	6%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 7 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah dan bagi jawapan lemah, seramai 3 (10%). Manakala sederhana pula, seramai 17 (55%). Bagi jawapan baik pula, seramai 8 (27%). Akhir sekali, jawapan sangat baik iaitu 2 (6%) dijawab oleh pelajar. Tahap penguasaan usul Qiraat Nafi' Riwayat Warsy juga menunjukkan peratusan bagi jawapan sederhana paling tinggi yang dijawab oleh pelajar.

**Jadual 8: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Ibnu Kathir**

Penguasaan Usul Qiraat Ibnu Kathir	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	6	21%
Sederhana	16	53%
Baik	7	23%
Sangat Baik	1	3
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 8 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar memberi jawapan sangat lemah. Manakala jawapan lemah 6 (21%) pelajar membeberi jawapan tersebut. Manakala jawapan sederhana pula, pelajar seramai 16 (53%). Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 7 (23%). Akhir sekali, jawapan sangat baik iaitu seramai 1 (3%) hanya dijawab oleh pelajar. Tahap penguasaan usul Qiraat Ibnu Kathir juga menunjukkan peratusan jawapan sederhana yang tertinggi.

**Jadual 9: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Abu ‘Amr**

Penguasaan Usul Qiraat Abu ‘Amr	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	6	20%
Sederhana	17	57%
Baik	5	17%
Sangat Baik	2	6%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 9 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Manakala jawapan lemah, seramai 6 (20%) pelajar. Manakala jawapan sederhana pula, seramai 17 (57%). Bagi jawapan baik pula, seramai 7 (17%). Akhir sekali, jawapan sangat baik seramai 2 (6%). Begitu juga tahap penguasaan usul Qiraat Abu ‘Amr juga menunjukkan peratusan jawapan sederhana paling tinggi oleh pelajar.

**Jadual 10: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Ibnu ‘Amir**

Tahap Penguasaan Usul Qiraat Ibnu ‘Amir	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	6	20%
Sederhana	17	57%
Baik	5	17%
Sangat Baik	2	6%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 10 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Bagi jawapan lemah, seramai 6 orang (20%). Manakala sederhana pula, seramai 17 (57%). Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 5 (17%). Akhir sekali jawapan sangat baik iaitu 2 (6%) pelajar. Tahap penguasaan usul Qiraat Ibnu ‘Amir juga menunjukkan peratusan sederhana paling tinggi yang dijawab oleh pelajar.

**Jadual 11: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat Hamzah**

Tahap Penguasaan Usul Qiraat Hamzah	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	5	17%
Sederhana	16	53%
Baik	6	20%
Sangat Baik	3	10%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 11 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah, manakala pelajar yang memberi jawapan lemah seramai 5 (5%) pelajar. Bagi jawapan sederhana, pelajar menjawab seramai 16 (53%). Manakala jawapan baik, pelajar seramai 14 (70%) orang. Akhir sekali jawapan sangat baik seramai 3 (10%) pelajar. Bagi tahap penguasaan usul Qiraat Hamzah kebanyakan pelajar menjawab jawapan sederhana paling ramai.

**Jadual 12: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Usul Qiraat al-Kisai**

Penguasaan Usul Qiraat al-Kisai	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	6	20%
Sederhana	17	57%
Baik	4	13%
Sangat Baik	3	10%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 12 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Bagi jawapan lemah, seramai 3 (10%) pelajar. Manakala jawapan sederhana, seramai 17 (57%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 4 (13%) pelajar. Akhir sekali jawapan sangat baik seramai 3 (7%) pelajar. Tahap penguasaan usul Qiraat al-Kisai menunjukkan peratusan tertinggi bagi jawapan sederhana.

**Jadual 13: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Bacaan Surah al-Baqarah Dengan 7 Qiraat Secara Melihat Mushaf**

Penguasaan Surah al-Baqarah Dengan 7 Qiraat Secara Melihat Mushaf	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	0	0%
Lemah	7	23%
Sederhana	12	40%
Baik	11	37%
Sangat Baik	0	0%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 13 menunjukkan tiada seorang (0%) pelajar menjawab jawapan sangat lemah. Bagi jawapan lemah 7 (23%) pelajar. Manakala jawapan sederhana, seramai 12 (40%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, seramai 11 (37%) pelajar. Akhir sekali, jawapan sangat baik tiada seorang (0%) pelajar. Tahap penguasaan surah al-Baqarah dengan tujuh Qiraat secara melihat mushaf menunjukkan peratusan sederhana paling tinggi.

**Jadual 14: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Bacaan Surah al-Baqarah Dengan 7 Qiraat Tanpa Melihat Mushaf**

Penguasaan Bacaan al-Baqarah Dengan 7 Qiraat Tanpa Melihat Mushaf	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	4	13%
Lemah	7	23%
Sederhana	12	40%
Baik	5	17%
Sangat Baik	2	7%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 14 menunjukkan seramai 4 (20%) pelajar menjawab sangat lemah. Manakala bagi jawapan lemah, seramai 7 (23%) pelajar. Seramai 12 (40%) pelajar telah menjawab sederhana. Jawapan baik pula 5 (17%) pelajar dan akhir sekali jawapan sangat baik hanya dijawab seramai 2 (7%) pelajar. Bagi tahap penguasaan bacaan al-Baqarah dengan tujuh Qiraat tanpa melihat mushaf menunjukkan jawapan sederhana paling tinggi peratusannya bagi pelajar.

**Jadual 15: Deskriptif Responden Tentang Penguasaan Menyebut Kalimah Mempunyai Khilaf**

Penguasaan Menyebut Kalimah Mempunyai Khilaf	Kekerapan	Peratus
Sangat Lemah	2	7%
Lemah	6	20%
Sederhana	14	47%
Baik	6	20%
Sangat Baik	2	6%
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100%</b>

Jadual 15 menunjukkan seramai 2 (7%) menjawab jawapan sangat lemah. Bagi jawapan lemah 6 (20%) pelajar. Manakala jawapan sederhana, seramai 14 (47%) pelajar. Bagi jawapan baik pula, pelajar telah menjawab seramai 6 (20%) peajar. Akhir sekali jawapan sangat baik seramai 2 (6%) pelajar. Tahap penguasaan menyebut kalimah mempunyai khilaf menunjukkan peratusan tertinggi adalah bagi jawapan sederhana oleh pelajar.

## Penutup

Penguasaan ilmu Qiraat amat penting dalam kalangan pelajar khususnya mereka yang menceburi bidang pengajian al-Quran. Kesalahan bacaan yang dilakukan akan menjelaskan

maksud sebenar kehendak al-Quran. Kesalahan berkaitan dengan ilmu Qiraat ini akan berlaku apabila pelajar-pelajar belum menguasai keseluruhan atau sepenuhnya pengajian Qiraat melalui teori dan amali yang sedang dipelajari secara formal. Selain itu, ada juga pelajar hanya cukup sekadar mendengar dan memahami apa yang disampaikan oleh pengajar sahaja secara teori sedangkan proses pengajian ilmu Qiraat hendaklah berjalan secara seiring antara teori dan amali. Hakikatnya, penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar KIAS yang mengambil kursus Qiraat amatlah penting kerana mereka merupakan bakal generasi yang akan mengembangkan ilmu Qiraat kepada masyarakat. Oleh itu, penguasaan ilmu Qiraat yang lemah akan menjaskan kesucian al-Quran.

## Rujukan

- Abdullah, A. S. (2020). Alumni YPTIK. Temubual pada 19 Disember 2020.
- Ab Ghani, M. A. (2018). Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat Teori dan Amali di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Maahad Tahfiz al-Quran (MAIK). [tesis sarjana tidak diterbitkan] Open University Malaysia.
- Abdul Halim, W. I. (2014). Ilmu Qiraat Sepuluh dan Pengamalannya. Jurnal KIAS. 9 (1), 1-23
- Ali, S. & Abdullah, A. H. (2016). Penulisan Ilmiah Berkaitan Ilmu Qiraat di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. e-Proceeding of The 3rd International Conference On Arabic Studies And Islamic Civilization. (p.217). Kuala Lumpur: <http://WorldConferences.net>.
- Al-Qadhi, A. F. (2011). Al-Budur al-Zahirah fi al-Qiraat al-'Asyr al-Mutawatirah. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qastalani, A. M. (1434H). Lataif al-Isyarat li Funun al-Qiraat. Riyadh: Majma' al-Malik Fahd.
- Al-Sobuni, M. A. (2015). Al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran. Karachi: Maktabah al-Busyra.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. New York: McGraw Hill.
- Cohen L. (2017). Research Methods in Education. London: Routledge Falmer.
- Daud, Z. Abdullah, M. & Mohd Saleh, N. (2015). Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian Terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN. The e-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 16-28.
- Faizi, S. A. (2020). Penolong Pendaftar Unit Promosi dan Perhubungan Luar KIAS. Temubual pada 24 Disember 2020.
- Gay, L. R. (2010). Educational Research: Competencies for Analysis and Applications (10th ed.). Florida: USA.
- Ibn al-Jazari, M. (2014). Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Talibin. Riyadh : Dar al-Mayman.
- Ismail, N. (2020). Penolong Pendaftar KIAS. Temubual pada 26 Disember 2020.
- Mohd Daud, Z. (2020). Alumni Maahad Dakwah wa al-Imamah. Temubual pada 21 Disember 2020.
- Muhammad Hafiz, S., Abd Muhammin, A. & Norazman, A. (2015). Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran Dan Penyelesaian Masalah. Jurnal USIM.
- Mustafa, I. (2014). Al-Mu'jam al-Wasit. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mustapha, M. H. (2020). Ketua Jabatan al-Quran dan Hadis KIAS. Temubual pada 26 Disember 2020.
- Othman, M. Z. (2020). Mantan Ketua Jabatan al-Quran dan Hadis KIAS. Temubual pada 27 Disember 2020.
- Yaacob, M. N. (2003). Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Analisis Dari Sudut Silibus Pengajian. Jurnal Usuluddin KIAS.